



مجلس قرباندرن هولو سلاغور

MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

JALAN BUKIT KERAJAAN, 44000 KUALA KUBU BHARU.

TEL : 03-6064 1331 FAKS : 03-6064 3991

www.mphs.gov.my

KITA SELANGOR

Ruj. Puan:

Ruj. Kami: (81).dlm.MPHS.73/19JLD.2

Tarikh : 03 DEC 2025

Dr Helena Eian

Chairman

FMM Selangor & Kuala Lumpur Branch

No 8A, Jalan Pensyarah U1/28

Hicom Glenmarie Industrial Park

40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Ybhg. Dr,

**PER: MAKLUM BALAS BERKAITAN MESYUARAT PENJELASAN CAJ DEPOSIT
LESEN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas,

2. Sukacita dimaklumkan bahawa hasil perjumpaan bersama dengan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Industri Selangor yang telah diadakan pada 26 November 2025. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah meluluskan cadangan dasar baharu caj deposit lesen di dalam Mesyuarat Majlis Perbandaran Hulu Selangor Bil11/2025 bertarikh 27 November 2025. Ketetapan ini dibuat bagi memastikan kawal selia operasi perniagaan dapat dijalankan dengan lebih teratur serta bagi menjamin pematuhan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Butiran keputusan adalah seperti berikut:

2.1 (a) Kategori Industri

Untuk kategori industri, deposit lesen bagi kategori berikut telah ditetapkan pada kadar RM5,000. Kadar ini juga telah mengambil kira risiko operasi yang lebih tinggi serta telah meneliti keperluan pemantauan yang lebih menyeluruh.

2.2 (b) Kategori Industri Bertaraf SME

Bagi Kategori Industri (SME) yang mempunyai fi lesen yang melebihi RM500, caj deposit adalah 3 kali ganda dari fi lesen. Surat rayuan boleh dikemukakan di Jabatan Pelesenan. Bagi perniagaan / industri yang berstatus Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), kadar deposit yang **melebihi RM3,000** akan dikenakan caj deposit sebanyak **RM3,000 sahaja**. Walau bagaimanapun, pemohon **DIWAJIBKAN** mengemukakan dokumen Sijil Akuan taraf SME sebagai bukti sokongan sebelum kelulusan kadar deposit tersebut dapat diberikan.

3. Untuk makluman, MPHS juga telah memberikan kelonggaran untuk pembayaran caj deposit lesen. Pembayaran caj deposit boleh dilakukan **secara dua (2)** kali termaktub kepada semua pemohon.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS00932

- (a) Pembayaran pertama boleh dilakukan semasa pembaharuan lesen tahun 2026.
(b) Pembayaran kedua boleh dilakukan semasa pembaharuan lesen tahun 2027

4. Kelonggaran ini diberikan bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan pemohon serta memastikan kelangsungan operasi perniagaan tanpa menjejaskan pematuhan kepada ketetapan baharu ini.

Segala kerjasama dan perhatian daripada Ybh. Dr. amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"KITASELANGOR MAJU BERSAMA"
"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMARUZZAMAN BIN ABDUL RAHMAN, P.P.T)
Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan
b.p. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hulu Selangor.